

27 November 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PROJEK NAIK TARAF JALAN OLEH JKR: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI JALAN PERMATANG DAMAR LAUT DAN KAWASAN BERHAMPIRAN PADA 2/12/2017.

- **Masa/tarikh: 9.00 pagi – 9.00 malam pada SABTU, 2/12/2017.**
- **Melibatkan: 11,568 pengguna air.**
- **Sebab: Pelencongan saluran paip bekalan air untuk memudahkan Projek Menaiktaraf “Jalan P10 JKR dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah”.**

PULAU PINANG, Isnin (27/11/2017): Kerja pelencongan paip bekalan air akan dijalankan di 18 lokasi di Jalan Permatang Damar Laut dan kawasan berhampiran pada hari Sabtu, 2/12/2017.

Kerja-kerja pelencongan paip ini perlu dilakukan untuk memudahkan projek naik taraf jalan Jabatan Kerja Raya (JKR), “Projek Menaik taraf Jalan P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah”.

Untuk membolehkan kerja lencongan paip, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu “menutup” saluran paip bekalan air 600mm MS (keluli lembut) sedia ada buat sementara waktu di kawasan itu.

Penutupan saluran paip akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam. Pengguna di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi - 9.00 malam pada 2/12/2017:

1	Kawasan Perindustrian Diamond Valley	9	Perumahan Kluster Fasa 1 Permatang Damar Laut
2	Jalan Permatang Damar Laut	10	Perumahan Kluster Fasa 2 Permatang Damar Laut
3	Kampung Permatang Masjid		
4	Taman Sri Bayan	11	Kampung Permatang Damar Laut
5	Desa Wangsa		
6	Taman Sunway Cassia	12	Kampung Permatang Tepi Laut
7	Jalan Kekabu		
8	Taman Kekabu		

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang memaparkan semua kawasan yang terjejas.

Seramai 11,568 pengguna air akan terjejas oleh gangguan bekalan air berjadual ini.

Bagaimanapun, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas tidak akan terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa kerja pelencongan paip ini perlu bagi memudahkan projek kerja jalan JKR. Saluran paip bekalan air PBAPP mesti dialihkan dengan selamat dari tapak projek untuk mencegah kemalangan dan memastikan bekalan air yang baik dan berterusan.

Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam pada hari Sabtu, 2/12/2017. PBAPP memohon maaf di atas apa-apa kesulitan yang timbul.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

APPENDIX A

